

27/01/1997

UMF pentingkan kebajikan pekerja

Meor Hisham Zulkifli

SETIAP tahun majlis penganugerahan dan penghargaan untuk kakitangan diadakan oleh syarikat dan organisasi bertujuan menghargai peranan dan sumbangan mereka terhadap pembangunan dan kemajuan sesebuah firma atau pertubuhan.

Majikan kini sedar peranan penting yang dimainkan oleh pekerja dalam meningkatkan penghasilan syarikat serta pengorbanan yang dilakukan oleh mereka.

Menyedari hakikat itu, setiap tahun majikan menyediakan pelbagai kemudahan seperti menyediakan skim kenaikan gaji dan bonus tahunan serta memberi pengiktirafan dalam bentuk anugerah yang disampaikan kepada mereka.

Lantaran itu, proses menentukan calon yang berkecukupan menerima kenaikan gaji atau anugerah tahunan banyak bergantung kepada kejujuran dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pekerja terbabit.

Namun, persoalan utama yang diambil kira oleh majikan sebelum mengurniakan sebarang anugerah atau bonus kepada kakitangannya ialah produktiviti yang dihasilkan oleh pekerja terbabit.

Ini selaras dengan konsep yang sering diingatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pekerja perlu meningkatkan produktiviti masing-masing untuk diseimbangkan dengan tuntutan kenaikan gaji dan ganjaran perkhidmatan lain. Sesebuah syarikat tentu bergantung kepada produk atau perkhidmatan yang dihasilkan. Selain itu, perkhidmatan yang diberikan perlulah memenuhi piawaian yang ditetapkan dalam usaha meningkat imej syarikat di kalangan pelanggan. Kualiti diri seperti amanah ketika menjalankan tugas, patuh kepada arahan yang diberikan, kepemimpinan yang ditunjukkan kepada anggota bawahan dan sentiasa berusaha mencari dan mengemukakan idea baru kepada majikan serta pentadbiran pasti meletakkan seseorang pekerja itu dalam kedudukan selesa untuk dipilih bagi menerima anugerah yang disediakan.

Lantaran itu, bagi pihak majikan, tujuan mewujudkan anugerah khas tahunan adalah untuk memupuk semangat pekerja untuk terus meningkatkan produktiviti dan meningkatkan kemahiran mereka.

Anugerah itu akan meniup semangat pekerja untuk terus berkhidmat kepada syarikat dan menimbulkan suasana kerja yang menarik kepada pekerja.

Ia juga secara tidak langsung memberi kepuasan bekerja kepada mereka kerana titik peluh mereka dihargai oleh syarikat.

Terdapat juga sesetengah syarikat mewujudkan anugerah perkhidmatan setia untuk memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah lama berkhidmat dalam sesebuah syarikat.

Anugerah itu penting kerana setiap syarikat memerlukan pekerja yang setia serta sanggup berusaha keras untuk mengekal dan menambahkan pendapatan syarikat supaya tidak mengalami sebarang masalah dalam urusan pentadbiran.

Pengorbanan atau tenaga pekerja yang setia dan sanggup bekerja keras ini amat berharga kerana tanpa kesungguhan yang diberikan kepada tugas mereka, syarikat pasti tidak mampu bertahan lama. Oleh itu, jasa dan penat lelah mereka pasti amat dihargai dan dikenang oleh syarikat.

Baru-baru ini, United Merchant Finance Berhad (UMF) misalnya, buat pertama kalinya mengadakan majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Setia kepada kakitangannya.

Pengerusi Eksekutif UMF, Datuk Faruk Othman, berkata seramai 348

kakitangan UMF seluruh negara iaitu mereka yang bertugas di ibu pejabat dan 37 rangkaian cawangannya, layak menerima anugerah perkhidmatan setia.

"Anugerah itu dibahagikan kepada empat kategori, iaitu mereka yang sudah berkhidmat selama 5, 10, 15 dan 20 tahun dengan penuh ketaatan dan menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka," katanya. Penyampaian hadiah dan anugerah diadakan di seluruh pejabat wilayah UMF. Bagi Cawangan Lembah Klang dan ibu pejabat, satu majlis ringkas telah diadakan di ibu pejabat UMF, Disember lalu. Dalam majlis itu, seramai 89 kakitangan menerima anugerah masing-masing dalam kategori lima dan sepuluh tahun.

Datuk Faruk berkata, ini adalah pertama kali dalam sejarah 30 tahun penubuhan syarikat itu, mereka mengadakan majlis penyampaian anugerah perkhidmatan setia kepada kakitangannya.

"Anugerah itu adalah usaha berterusan pihak pentadbiran mengiktiraf sumbangan dan kesetiaan yang ditunjukkan oleh mereka dalam menjalankan pelbagai tugas untuk memajukan syarikat," katanya.

Menurutnya, syarikat akan terus berusaha meningkatkan lagi kemahiran dan kecekapan kakitangan melalui penganjuran kursus dan latihan peringkat dalaman dalam usaha menjadikan syarikat itu unggul di kalangan pesaing.

"Kursus terbabit diadakan secara teori dan amali diharap dapat meningkatkan imej dan mutu perkhidmatan syarikat dengan lebih berkesan dan efektif terutama dalam perkhidmatan kepada pelanggan."

"Selain itu, kami akan sentiasa menambah dan memperbaiki kemudahan yang sedia ada untuk memastikan UMF menjadi pilihan pertama bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan," katanya.

Anugerah, latihan yang berterusan, peluang kenaikan gaji dan pangkat yang terbuka luas serta penyediaan pelbagai insentif lain kepada kakitangan yang diberikan oleh sesebuah syarikat pasti akan mewujudkan persekitaran kerja yang menarik kepada mereka.

Namun, selain gaji dan kepuasan bekerja, syarat perkhidmatan yang sesuai turut menjadi alasan kenapa seseorang pekerja bertahan lama dalam sesuatu tugas.

Ini kerana perkara itu menjadi pengikat kepada tenaga kerja terutamanya tenaga pakar atau profesional untuk mengelak mereka berpindah ke syarikat lain yang menawarkan gaji lebih tinggi.

Berikutan itu, majikan perlu memberi perhatian kepada soal terbabit dalam usaha mengurangkan pengaliran keluar tenaga pakar yang sudah lama dididik dalam sesuatu tugas di syarikat.

Jika perkara itu berlaku maka ia akan merugikan pihak pengurusan dan majikan kerana terpaksa mencari pengganti dan melatih semula mereka yang baru dilantik ke jawatan terbabit bagi menggantikan mereka yang berhenti. Perkara itu dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mengesa majikan menyediakan kemudahan latihan dan suasana kerja yang baik bagi mewujudkan kumpulan pekerja yang cekap dan terlatih.